



1. JAWATAN	: SERANG TINGKAT KHAS
KEMENTERIAN/JABATAN	: JABATAN PELABUHAN-PELABUHAN
	KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
BAHAGIAN	: III
TANGGAGAJI	: C.1-2 EB.3 (\$1,280 - \$2,270 SEBULAN)
KEKOSONGAN	: SATU (1)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Mempunyai Sijil Kecekapan Pegawai Laut Kelas 6 atau sebanding dan sedang berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Serang Tingkat I tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

- b) Mempunyai Sijil Kecekapan Pegawai Laut Kelas 7 atau sebanding dan sedang berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Serang Tingkat I tidak kurang dari 5 tahun.
2. Berkebolehan di dalam mengendalikan kapal-kapal di bawah 500 tan muatan kasar dan mempunyai pengetahuan yang baik tentang perairan-perairan yang boleh dilayari dan makna tandatanda pelayaran. Mereka yang mengendalikan kapal melebihi 500 tan muatan kasar akan diberikan keutamaan.
3. Mempunyai ciri-ciri kepimpinan dan boleh mengurus dan mengawas kakitangan dibawah jagaannya dalam melaksanakan tugas-tugas mereka.
4. Boleh menyediakan laporan-laporan dengan baik seperti kerosakan, pesanan dan kakitangan kapal.
5. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi ditahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.



LAIN-LAIN SYARAT

- a) Sebelum ditawarkan jawatan sebagai Serang Tingkat Khas, calon-calon mestilah lulus ujian kesihatan dan ujian penglihatan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB SERANG TINGKAT KHAS:

1. Selaku Ketua Kapal yang sebanding dengan kelayakan.
2. Melaksanakan lain-lain tugas diarahkan oleh Penolong Pegawai Laut dari semasa ke semasa.